


Penyiasatan akan di-jalankan kerana pelajar ta' kenal bapa

Berita Harian, 16 April 1968, Page 10

 Article also available on Microfilm Reel NL5410

**Penyiasatan akan
di-jalankan
kerana
pelajar ta'
kenal bapa**

KUALA LUMPUR, Isnin.

PENYIASATAN segera akan di-jalankan terhadap peristiwa sa-orang pelajar baharu Maktab Teknologi MARA di-Petaling Jaya yang terpaksa di-rawat di-rumah sakit kerana di-katakan akibat ragging rakan2-nya.

Demikian menurut Pemangku Pengetua Maktab Teknologi MARA, Enche Hijjas Bin Kasturi hari ini.

Enche Hijjas berkata: "Sa-kira-nya penyakit Shukra di-sebabkan oleh ragging. pelajar2 lama yang bertanggung-jawab akan di-buang serta-mer-ta."

Beberapa orang pelajar Maktab itu yang enggan menyebut nama mereka telah menalipon kepada Berita Harian hari ini memberitahu bahawa "Shukra telah menjadi mangsa ragging".

Pelajar baharu itu, Shukra binti Datuk Kam-po Radjo, berumur 17 ta-hun telah di-rawat di- rumah sakit Assunta, Pe- taling Jaya sejak 8 April lalu sa-telah di-katakan di-ragging oleh rakan2 mereka.

Enche Hijjas berkata: "Tindakan sa-wajar-nya akan di-ambil sa-kira-nya kejadian itu benar kerana ragging."

Menyiasat

Bagaimana pun, Enche Hijjas menegaskan. "Rag- ging di-haramkan di- maktab ini. Yang di-be- narkan hanya orientasi. Tetapi orientasi baharu di-mulakan pada 12 April sedang Shukra di-rawat di-rumah sakit mulai 8 April.

"Berdasarkan in saya ada-lah menafikan ba- hawa penyakit Shukra di-sebabkan ragging atau orientasi."

Pihak pelajar2 mak- tab itu juga menafikan peristiwa itu di-sebab- kan ragging

Sa-orang pemimpin pe-
lajar2 itu Enche Abdul
Kadir bin Ismail mem-
beritahu bahawa pehak-
nya akan menubuhkan
sa-buah jawatankuasa
untok menyiasat perkara
tersebut.

Sementara itu Menteri
Tak Berjawatan, Enche
Ghaffar Baba yang juga
menjadi Pengerusi MARA
hari ini telah di-beritahu
mengenai perkara itu
oleh Pengarah Latehan
MARA, Enche Mansor
Othman.

"Tetapi saya tidak ba-
nyak mengetahui tentang
peristiwa itu. Saya terla-
lu sebok dengan tugas2
hari ini," kata Enche
Ghaffar.

Kebenaran

Datuk Kampo Radjo
juga belum menemui En-
che Ghaffar atau Tun Ra-
zak, untok melaporkan
hal anak-nya itu.

Bellau yang berada di-
sini hari ini enggan
membuat sa-barang ula-
san hingga penyiasatan
mengenai anak-nya sele-
sai.

Menurut-nya, polis te-
lah memberi kebenaran
keluar dari kawasan Se-
menyeh sa-lama sa-
puluh hari mulai sema-
lam.

Datuk Kampo telah di-
bebaskan dari tahanan
pada 12 Januari tahun
lalu. Satu dari syarat
pembebasan-nya bahawa
ia tidak boleh keluar dari
kawasan Semenyeh tanpa

kebenaran polis.

Bellau telah ka- rumah sakit Assunta melihat Shukra semalam dan menyatakan sangat terkejut melihat keadaan anak-nya yang tidak kenal lagi kapada-nya.

Pihak rumah sakit Assunta hari ini juga enggan memberi sa-barang kenyataan mengenai keadaan Shukra.

Orang ramai tidak dibenarkan melawat Shukra, bahkan ayah-nya sendiri terpaksa menunggu masa lawatan untuk melawat anak-nya itu.



ENCHE HIJAS... menafikan penyakit Shukra kerana 'rauing.'



SHUKRA DI-HOSPITAL



DATUK KAMPO RADJO
...enggan berkata apa2.